

UMSKL intai pasaran pelajar antarabangsa

NST 8.11.2014 10

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (Umskal) merancang menarik pelajar dari negara anggota Asean sebagai sebahagian daripada program transformasinya untuk menjadikan universiti itu bertaraf antarabangsa.

Antara negara yang menjadi sasarannya ialah Vietnam, Laos, Kemboja dan Thailand, yang dianggap sebagai ekonomi sedang muncul.

Pengarah Umskal Prof Madya Dr Murnizam Malik berkata rancangan menarik pelajar asing mengikuti pengajian di universiti itu dibuat berikutan peningkatan permintaan dalam sektor perkembangan utama perkhidmatan kewangan dan kewangan luar pesisir di negara berkenaan.

Katanya siri lawatan ke kedutaan negara terbabit diadakan untuk memberi maklumat terperinci tentang program yang ditawarkan di Umskal.

“Pegawai peringkat tinggi kami memberi taklimat kepada pegawai kedutaan tentang program kami dan ia mencapai hasil positif,” katanya kepada Bernama kelmarin.

Murnizam berkata antara insentif yang ditawarkan Umskal ialah pemberian biasiswa penuh kepada pelajar yang menunjukkan harapan cerah untuk berjaya dengan cemerlang.

“Kami memberi fokus kepada pelajar dari negara berkenaan kerana mendapati beberapa syarikat Malaysia dalam sektor kewangan dan kewangan luar pesisir menubuhkan cawangan di negara itu.

Kini, lebih 2,300 pelajar Malaysia dan asing menuntut di Umskal. Pelajar dari China menduduki tempat teratas dari segi jumlah pelajar asing di universiti itu dengan merangkumi 95 peratus, diikuti Indonesia dan Brunei.

-Bernama